Beliau menjawab soalan Edwin Banta (Gabungan Parti Sarawak – Selangau) yang memohon pertimbangan KPWKM untuk menyediakan penginapan sementara dengan mendirikan rumah anjung rehat bagi pesakit dialisis yang memerlukan tempat penginapan selepas menjalani rawatan di Selangau.

Sementara itu Nancy memaklumkan terdapat tiga buah Anjung Kasih YKN di Sarawak iaitu di Hospital Umum Sarawak (HUS), Hospital Miri dan Hospital Sibu.

"YKN menyediakan Anjung Kasih iaitu penginapan sementara yang disediakan kepada ahli keluarga atau waris yang mengiringi pesakit yang tidak berkemampuan tetapi memerlukan penginapan sementara ketika atau selepas mendapatkan rawatan di hospital kerajaan," katanya.

Kata Nancy lagi, sejak penubuhannya pada 2006 sehingga 2023, seramai 96,338 orang telah mendapat manfaat daripada 19 buah Anjung Kasih YKN di seluruh negara. – TVS

# MGNews: Kerajaan Pusat Tidak Bercadang Perkenal Cuti Ihdad

Oleh **Muhammad Faiz** - 12 March 2024




Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata ketika ini telah banyak cuti yang ada.

# JKM Jalan Operasi Tangani Isu Pengemis Di Kuala Lumpur Dan Kawasan Hotspot Lain – Noraini

12 March 2024 Berita Utama, Dari Parlimen

Facebook Twitter WhatsApp Telegram Email Share

KUALA LUMPUR, 12 Mac – Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad memaklumkan bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menjalankan beberapa tindakan dalam usaha menangani isu pengemisan secara jangka pendek dan jangka panjang.

Katanya yang juga Ketua Wanita UMNO, antara usaha-usaha yang sedang dilakukan adalah melalui ops menyelamat orang-orang papa secara serta merta (ad-hoc), berjadual atau berkala di kawasan-kawasan 'hotspot' seperti di pusat bandar Kuala Lumpur.



"Mengambil kira terdapat Akta-akta lain yang turut dikuatkuasakan oleh agensi-agensi seperti yang saya sebutkan tadi, JKM menjalankan operasi-operasi ini secara bersepadu selaras dengan pelbagai akta berkenaan.

"Bagi jangka masa panjang, KPWKM kini sedang melaksanakan Kajian Semakan Semula Akta Orang-Orang Papa 1977 untuk melihat akta ini secara komprehensif bagi menambahbaik pengendalian isu orang papa dan gelandangan," katanya pada waktu pertanyaan lisan bagi menjawab soalan daripada Mohd Sany Hamzan (PH-Hulu Langat) di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau memaklumkan dapatan kajian ini akan digunapakai sebagai asas pertimbangan dalam merasionalkan ketetapan berkaitan mekanisme penyelesaian isu pengemisan, gelandangan, aspek pemulihan dan penguatkuasaan.

Bagaimanapun Noraini berkata penyelesaian kepada isu ini bukan terletak di bahu kementerian semata-mata sebaliknya secara kerjasama dan sokongan semua pihak termasuk Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan juga orang awam. – *UMNO Online*

# Perlu akta khas bendung sindiket peralat OKU

March 12, 2024




**KUALA LUMPUR:** Kerajaan digesa mewujudkan peruntukan atau akta khusus bagi membendung sindiket yang memperalatkan Orang Kelainan Upaya (OKU) termasuk kanak-kanak dan juga orang lemah di mana sering menjadi mangsa eksploitasi.

Ustaz Abdul Latiff Abdul Rahman (PN-Kuala Krai) berkata, satu operasi, bantuan dan sokongan termasuk bantuan psikososial dan sebagainya perlu dibuat untuk menyelamatkan mereka.

"Dalam jawapan YB Timbalan Menteri tadi berkaitan dengan Akta Orang Papa tidak mempunyai peruntukan yang disebut tadi untuk menghukum mana-mana orang yang mengemis dan mengambil kesempatan di atas kemurahan hati rakyat Malaysia.

"Jadi soalan saya ialah apakah perancangan pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini," tanya beliau.

Perkara itu dikemukakannya ketika mencelah Mohd Sany Hamzan (PH-Hulu Langat) kepada Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa sesi Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan di Dewan Rakyat, Parlimen di sini sebentar tadi.

Mohd Sany dalam soalan asalnya meminta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan mekanisme lebih terperinci dan menyeluruh termasuk kuasa penguatkuasaan untuk mengawasi warga emas dan OKU dieksploitasi dalam aktiviti meminta sedekah atau mengutip derma atas nama jualan amal seperti yang berleluasa.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Noraini Ahmad berkata, bahawa beliau bersetuju dengan Kuala Krai berkenaan Akta tersebut tidak berbentuk punitif.

"Sebab asas akta itu adalah berprinsipkan kebajikan. Dan dalam konteks kebajikan pula objektif adalah untuk memulihkan seseorang yang berada dalam kesukaran agar boleh membantu kembali berdikari. Sebab itulah di Kementerian ini sedang dilaksanakan kajian semakan semula Akta Orang-orang Papa 1977.

"Untuk makluman dewan juga kajian ini dilaksanakan selama 21 bulan dan insya-Allah akan siap pertengahan tahun dan final dia akan dibentangkan kepada kepada kementerian.

"Skop kajian pula adalah mengenal pasti peruntukan sedia ada, membuat kajian perbandingan antara mengenai akta berkenaan gelandangan pengemisan dan miskin bandar di negara-negara lain mengadakan sesi libat urus dan juga konsultasi.

"Dan juga membantu kementerian dalam penyediaan regulatory impact analysist dan menghasilkan insya-Allah akan menghasilkan satu syor sama ada terdapat keperluan penggubalan akta baru dan mengenal pasti peranan kementerian.

"Dan objektifnya adalah untuk menyediakan cadangan kepada kerajaan mengenai kandungan pendekatan dan skop rang undang-undang dan pelan tindakan ke arah inisiatif pengendalian isu gelandangan, pengemisan dan kemiskinan bandar," jelas beliau. – **HARAKAHDAILY 12/3/2024**

# Tetapkan kadar bayaran di pusat jagaan anak

March 12, 2024



**KUALA LUMPUR**: Kerajaan diminta meletakkan paras atau garis tertentu kadar penjagaan kanak-kanak berdasarkan usia kepada pusat jagaan kanak-kanak, demikian cadang Dr Abd Ghani Ahmad (PN-Jerlun).

Menurut beliau, ia adalah kerana kadar harga yang ditetapkan oleh pusat jagaan kanak-kanak berbeza antara bandar, pinggir bandar dan kampung.

"Dan di peringkat kampung pun sudah menjadi bualan di kalangan para waris. Kadang-kadang seorang anak itu sehingga mencecah RM400 ke RM450," ujar beliau.

Beliau mengemukakan perkara itu ketika mencelah Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa sesi Jawapan oleh YB Menteri-menteri ke atas Perbahasan Titah Diraja di sini sebentar tadi.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, setakat ini jika mereka dari golongan pekerja kerajaan, anak mereka memang diberikan subsidi RM180 untuk dihantar kepada taska kerajaan.

"Tapi untuk swasta adalah kebebasan mereka setakat ini kerana ia melihat kepada kualiti tempat itu sendiri, jadi terpulang kepada individu-individu atau ibu bapa untuk menilai sendiri.

"Sama ada ianya whether is worthwile or not (sama ada berbaloi atau tidak) dengan izin untuk menghantar anak mereka ke tempat-tempat sepertimana yang ada yang mereka harus pilih itu.

"Jadi setakat ini kita masih belum lagi meletakkan harga siling ataupun harga standard untuk tempat-tempat tertentu," jawab beliau.

Tambahnya, perkara tersebut dilakukan kerana itu adalah tempat yang ditentukan oleh pihak swasta dan diharapkan agar mereka yang hendak menghantar anak ke tempat-tempat swasta ini merujuk dengan pihak Kementerian dahulu sama ada berdaftar atau tidak.

"Kerana kami tidak dapat melihat kepada semua tempat di seluruh negara ini. Maka kami memerlukan mereka yang nak menghantar anak ke swasta, tempat swasta ini, sila rujuk kepada kami sama ada mereka berdaftar kepada kami ke tidak.

"Kerana pendaftaran ini banyak bukan hanya bergantung kepada kementerian kami kerana mereka juga perlu merujuk kepada pihak KPKT terutama sekali dari segi dari sudut keselamatan mereka.

"Untuk mereka membina tempat-tempat taska tersebut. Bomba perlu dirujuk, KPKT perlu dirujuk mungkin Kesihatan juga MOH juga perlu dirujuk. Jadi sebelum mereka didaftar sepenuhnya maka merujuk kepada semua ini baru kami mendaftar.

"Kalau lulus daripada kementerian-kementerian yang lain itu, baru kami mendaftarkan mereka. Kerana kami tidak mahu sewenang-wenang mendaftar kalau mereka itu tempat itu masih lagi terancam dari segi keselamatannya, tidak teratur.

"Maka sebab itu kalau nak meneliti dari segi harga mereka nilai harga siling itu, maka perlulah mereka yang nak menghantar itu meneliti sendiri dan juga menilaikan sama worthwile or not untuk menghantar mereka di situ," jelas beliau. – **HARAKAHDAILY 12/3/2024**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FLEXIBLE WORK HOURS PROPOSAL FOR WOMEN LAUDED | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 13 MAC 2024 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Flexible work hours proposal for women lauded

## ○ Move will mark significant stride towards gender equality, work-life balance in public sector: Cuepacs sec-gen

BY **SIVANISVARRY MORHAN**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** The Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services (Cuepacs) has thrown its support behind Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's suggestion that women civil servants should enjoy flexible or shortened working hours so they can attend to their family responsibilities more effectively.

Its secretary-general Abdul Rahman Mohd Nordin said the move will mark a significant stride towards gender equality and work-life balance in the public sector.

Anwar had suggested that such flexibility might involve adjusting pay rates, citing an example of potentially reducing working hours from the usual 8am to 5pm to just four hours, resulting in a proportionately lower pay.

"This adjustment aims to accommodate women who face pressure in balancing work and childcare responsibilities at home. It is part of an ongoing study for a new civil service salary scheme," Anwar said during the International Women's Day Celebration 2024 on March 8.

He said Malaysia could become the first country to offer such flexibility to female civil servants and expressed his intention to discuss this matter with the chief secretary to the government and the director-general of public services.

Abdul Rahman said it is encouraging to see discussions surrounding the topic and called for a quicker and more consistent implementation process.

He said Malaysia's delay in adopting flexible working hours contrasted with Sweden, Denmark and Canada, which implemented such policies years ago.

"Even Norway has robust labour laws that support flexible working hours for men and women, emphasising the government's promotion of a healthy work-life balance through generous parental leave policies."

Abdul Rahman said the implementation of flexible working hours for female civil servants would not negatively impact the daily operations of government departments.

"However, it is crucial to ensure that such policies are implemented thoughtfully and equitably, taking into account the needs of all employees and considering the potential impact on daily work routines.

"For instance, flexible hours may cause changes to schedules, workload distribution and communication within departments. While it aims to provide better work-life balance for women employees, ensuring that service delivery and productivity are maintained is essential."

Abdul Rahman emphasised that proper planning, communication and management strategies need to be in place to mitigate any negative impacts on daily work routines.

"Being a working woman is tough. You have got work deadlines to meet, a house to run and children to care for all at the same time. But by offering flexible schedules, we can ensure working women can manage their chores well," he said.

Abdul Rahman also stressed the importance of implementing policies within the civil service that mirror the flexible work arrangements commonly found in the private sector.

"Many women are drawn to the benefits offered by most private sectors. Empowering women in the civil service requires implementing similar policies to those practised by the private sector that enable greater work flexibility.

"By offering options for remote work and on-site attendance, we can better accommodate the diverse needs of women employees, thereby enhancing their overall well-being and job satisfaction."

Abdul Rahman said with flexible working practices, government agencies can become more attractive to draw top talent into the country and improve organisational efficiency and productivity.

# Polis mula siasatan Himpunan Hari Wanita 2024

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL Follow
12 Mac 2024 12:43pm Masa membaca: 4 minit




Pada Ahad, polis memaklumkan akan memanggil penganjur Himpunan Hari Wanita 2024 di ibu kota yang dianjurkan Sabtu lalu.

KUALA LUMPUR - Polis memulakan siasatan berhubung penganjuran himpunan Himpunan Hari Wanita (WMMY) 2024 di ibu kota pada Sabtu lalu.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Noor Dellhan Yahya berkata, pihaknya baharu menerima jawapan kepada permohonan 'order to investigate' daripada Timbalan Pendakwa Raya.

"Siasatan akan dimulakan dan keterangan pihak yang terlibat akan diambil bagi melengkapkan kertas siasatan," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Pada Ahad, media melaporkan, polis membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 15 Akta Perhimpunan Aman 2012 dan Seksyen 14 Akta Kesalahan Kecil 1955.

Pada Sabtu, seramai 200 peserta berkumpul di luar sebuah kompleks beli-belah pada jam 9 pagi, sebelum berarak ke Dataran Merdeka. Para peserta membawa pelbagai plakad, kain rentang serta bendera.

Pada 5 Mac lalu, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid dilaporkan berkata, sebarang kesalahan yang dilakukan boleh diambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada seperti yang termaktub dalam Akta Perhimpunan Aman 2012.

# Sami ditahan kes gangguan seksual 2 lelaki termasuk remaja

Oleh Asrol Awang - Mac 12, 2024 @ 4:46pm
bhnews@bh.com.my




Foto hiasan.

KUANTAN: Seorang sami ditahan selepas disyaki melakukan kesalahan seksual terhadap dua lelaki termasuk seorang remaja bawah umur semalam.

Suspek, 40, ditahan di rumahnya beberapa jam selepas laporan polis mengenai kejadian itu dibuat dua mangsa berusia 16 dan 21 tahun itu.

Sumber berkata, seorang daripada mangsa mengalami gangguan seksual sejak 2022, namun tidak menceritakannya kepada sesiapa kerana bekerja di kuil yang menjadi satu-satunya sumber pendapatannya.

"Selepas berhenti, mangsa melaporkan kejadian itu kerana bimbang keselamatan diri.

"Seorang lagi mangsa iaitu remaja bawah umur mendakwa mengalami serangan seksual bulan lalu dan membuat laporan polis kerana berasa tertekan," katanya.

Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Wan Mohd Zahari Wan Busu mengesahkan menerima laporan itu dengan suspek kini ditahan reman selama tujuh hari sehingga 18 Mac ini.

Kes disiasat mengikut Seksyen 14(d) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan Seksyen 354 Kanun Keseksaan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DOKTOR DIDAKWA! | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 13 MAC 2024 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



## CABUL PEKERJA WANITA

# Doktor didakwa!

Oleh Abnor Hamizam Abd Manap
am@hmetro.com.my

**Jempol**

Seorang doktor mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret Bahau di sini, semalam, selepas didakwa mencabul seorang pekerja wanitanya.

Tertuduh, Mohamad Amin Razaly, 36, membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibaca di hadapan Majistret Norshazwani Ishak.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa mencabul mangsa berusia 25 tahun di bilik rehat di sebuah klinik di Bandar Baru Serting, dekat sini, pada jam 10.30 malam, 19 Februari lalu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum penjara sehingga 10 tahun atau dengan denda atau sebat atau mana-mana dua daripada hukuman itu.

Timbalan Pendakwa Raya, Farahidah Zool Beri menawarkan jaminan RM10,000 manakala tertuduh yang tidak diwakili peguam dalam rayuannya memohon jaminan dikurangkan berikutan terputus punca pendapatan apabila klinik tiada pesakit datang selain perlu menanggung komitmen bayaran kepada pembekal ubat-ubatan.

Norshazwani kemudian membenarkan tertuduh diberi jaminan RM5,000 serta syarat tambahan tertuduh dan ahli keluarga dilarang mendekati mangsa sehingga kes selesai.

***Mahkamah menetapkan 24 April ini bagi serahan dokumen dan lantikan peguam.***

> Farahidah menawarkan jaminan RM10,000 manakala tertuduh yang tidak diwakili peguam dalam rayuannya memohon jaminan dikurangkan berikutan terputus punca pendapatan apabila klinik tiada pesakit datang selain perlu menanggung komitmen bayaran kepada pembekal ubat-ubatan.



DOKTOR yang dituduh mencabul pekerja hadir di Mahkamah Majistret Bahau, Jempol. - Gambar NSTP/ABNOR HAMIZAM ABD MANAP

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DOCTOR CHARGED WITH MOLESTING EMPLOYEE | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 13 MAC 2024 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Doctor charged with molesting employee

By SARBAN SINGH
sarbans@thestar.com.my

**BAHAU:** A doctor has claimed trial at the Magistrate's Court here to a charge of molesting his employee.

Dr Mohamad Amin Razaly, 36, pleaded not guilty to using criminal force with the intention of outraging the modesty of his 25-year-old female worker when the charge was read to him before magistrate Norshazwani Ishak.

He was charged with committing the offence at his clinic at Bandar Baru Serting near here at about 10.30pm on Feb 19.

The accused was charged under Section 354 of the Penal Code which carries a jail term of up to 10 years or whipping or fine or any of the two penalties upon conviction.

Deputy public prosecutor Farahidah Zool Beri asked the court to set bail at RM10,000 in one surety.

She said the accused or his family members should not contact or harass the victim.

Dr Mohamad Amin told the court that he could not afford the bail amount.

The accused pledged to be present in court whenever required.

The magistrate then set bail at RM5,000 with one surety and ordered the accused and his family members to stay away from the victim till the case was disposed of.

Next mention was fixed for April 29 to enable the accused to engage a lawyer.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DOKTOR TAK MENGAKU SALAH CABUL | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 13 MAC 2024 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Doktor tak mengaku salah cabul

**Jempol:** Seorang pengamal perubatan swasta di Bandar Baru Serting dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bahau di sini, semalam, atas dakwaan mencabul seorang kakitangan wanitanya.

Bagaimanapun tertuduh, Dr Mohamad Amin Razaly, 36, dari Batu Kikir, mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dikemukakan terhadapnya di hadapan Majistret, Norshazwani Ishak.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa mencabul mangsa berusia 25 itu di dalam bilik rehat tingkat atas klinik berkenaan dengan memegang tangan mangsa dan meletakkan pada kemaluannya.

Perbuatan itu dilakukan tertuduh pada jam 10.30 malam, 19 Februari lalu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara sehingga 10 tahun atau dengan denda atau dengan sebat atau dengan mana-mana dua daripada hukuman-hukuman itu.

Mahkamah menetapkan 24 April ini bagi serahan dokumen dan lantikan peguam.

# Doktor tak mengaku cabul pekerja

Abnor Hamizam Abd Manap
am@hmetro.com.my



Doktor yang dituduh mencabul pekerja datang sendiri ke Mahkamah Majistret Bahau hari ini. FOTO ABNOR HAMIZAM ABD MANAP

Jempol: Seorang doktor sebuah klinik swasta di Bandar Baru Serting di sini, dituduh di Mahkamah Majistret Bahau di sini, hari ini, kerana mencabul seorang pekerja wanitanya.

Bagaimanapun, tertuduh Mohamad Amin Razaly, 36, dari Batu Kikir, tidak mengaku salah sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Norshazwani Ishak.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didapati mencabul mangsa berusia 25 itu di dalam sebuah bilik rehat tingkat atas klinik berkenaan.

Perbuatan itu dilakukan tertuduh pada 10.30 malam, 19 Februari lalu.

Oleh yang demikian, tertuduh melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum penjara sehingga 10 tahun atau dengan denda atau dengan sebat atau dengan mana-mana dua daripada hukuman itu.

Timbalan Pendakwa Raya Farahidah Zool Beri menawarkan jaminan RM10,000,

Bagaimanapun, mahkamah membenarkan tertuduh diberi jaminan RM5,000 serta syarat tambahan tertuduh dan ahli keluarga dilarang mendekati mangsa sehingga kes selesai.

Terdahulu, tertuduh yang tidak diwakili peguam dalam rayuan turut meminta jaminan itu dikurangkan berikutan terputus punca pendapatan apabila klinik tiada pesakit datang, selain perlu menanggung komitmen bayaran kepada pembekal ubatan.

Mahkamah menetapkan 24 April ini bagi serahan dokumen dan lantikan peguam.

**Disiarkan pada: Mac 12, 2024 @ 10:47am**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FOREIGNER HELD OVER MOLESTING 14-YEAR-OLD GIRL | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 13 MAC 2024 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Foreigner held for molesting 14-year-old girl

**AMPANG:** A Pakistani man has been arrested for molesting a teenager at a shop in Kampung Pandan here, say police.

The suspect brushed his privates against the girl's back while holding her shoulders just moments after asking the 14-year-old for her mobile phone number.

Ampang Jaya OCPD Asst Comm Mohd Azam Ismail said the incident occurred around 2.30pm on Monday at a shop providing fan repair services.

"We received a report from the 14-year-old complainant who said she was waiting to be served by staff at the shop when the suspect approached her and asked for her mobile number.

"She claimed that while she was using her phone, the suspect touched her shoulders with both his hands," ACP Mohd Azam said in a statement yesterday.

He said the suspect then brushed his private parts against her back twice.

"The girl immediately went home and told her parents about the incident. Her parents then brought her to a police station to lodge a report," he said.

ACP Mohd Azam said this led to the arrest of the 48-year-old Pakistani.

"We have remanded the suspect for seven days to help with investigations," he said, adding that the case has been classified as physical sexual assault on a child under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI PAKISTAN AMANG SEKSUAL KENA TANGKAP | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 13 MAC 2024 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lelaki Pakistan amang seksual kena tangkap

**Ampang Jaya:** Polis menahan lelaki warga Pakistan selepas dipercayai melakukan amang seksual terhadap seorang remaja perempuan berusia 14 tahun di sebuah kedai di Kampung Pandan di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, pada kejadian jam 2.30 petang, mangsa berada di pejabat dan sedang menunggu pekerja di kedai berkenaan membaiki kipas.

"Suspek yang juga pembantu kedai itu meminta nombor telefon bimbit mangsa.

"Ketika remaja berkenaan sedang menulis, suspek memegang bahu mangsa dengan kedua-dua belah tangan dan melakukan perbuatan tidak senonoh," katanya pada kenyataan, semalam.

> *Suspek memegang bahu mangsa dengan kedua-dua belah tangan dan melakukan perbuatan tidak senonoh"*
>
> **Mohd Azam**

Mohd Azam berkata, suspek kemudian ditahan susulan laporan polis yang dibuat oleh mangsa.

"Hasil ujian air kencing ke atas suspek didapati negatif dadah. Suspek direman tujuh hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017," katanya.

# Lelaki Pakistan gesel kemaluan pada remaja perempuan ditahan

Oleh MASZUREEN HADZMAN | 12 Mac 2024, 3:28 pm

PETALING JAYA: Polis menahan seorang lelaki warga Pakistan selepas disyaki melakukan amang seksual terhadap seorang remaja di Jalan Kemajuan A, Kampung Pandan, Ampang, semalam.

Kejadian kira-kira pukul 2.30 petang itu membabitkan remaja perempuan berusia 14 tahun.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd. Azam Ismail berkata, mangsa ketika itu berada di dalam pejabat sebuah kedai bagi menunggu pekerja membaiki kipas.

"Suspek datang dan meminta nombor telefon bimbit remaja itu. Semasa mangsa sedang menulis nombor telefon bimbit, suspek bertindak memegang bahu pengadu dengan kedua-dua belah tangan.

"Mangsa memaklumkan suspek juga menggeselkan kemaluannya pada bahagian belakang badan kirinya sebanyak dua kali," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Bertindak atas maklumat, Mohd Azam berkata, suspek berusia 48 yang bekerja sebagai pembantu kedai kemudian ditahan.

Tambah beliau, ujian air kencing terhadap suspek mendapati negatif sebarang jenis dadah.

"Permohonan reman ke atas suspek dibenarkan selama tujuh hari bermula hari ini sehingga Isnin hadapan.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 merujuk kepada amang seksual terhadap kanak-kanak," jelasnya. – UTUSAN

# Bapa kekal dipenjara 25 tahun, 10 sebatan rogol anak kandung OKU




Oleh NORLIZAH ABAS 12 Mac 2024, 3:42 pm

KUALA LUMPUR: Seorang bapa kekal menjalani hukuman penjara 25 tahun dan 10 sebatan atas kesalahan merogol anak kandung berusia 14 tahun yang juga berstatus orang kurang upaya (OKU), tahun lalu.

Perkara itu ditentukan selepas Mahkamah Tinggi Klang menolak rayuannya terhadap keputusan Mahkamah Sesyen Klang yang menjatuhkan hukuman tersebut pada 1 November 2023.

Hakim Norliza Othman berpuas hati bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah wajar dan setimpal dengan kesalahan dilakukan.

Bapa berkenaan mengaku bersalah merogol anak kandungnya di bilik sebuah rumah di Sungai Ayer Tawar, Sabak Bernam, Selangor di antara pukul 8.30 dan 9 malam, 11 Oktober 2023.

Dia didakwa mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 30 tahun dan 10 sebatan maksimum.

Mahkamah Sesyen turut memerintahkan lelaki berkenaan menjalani kaunseling selama tempoh pemenjaraan dan diletakkan di bawah pengawasan polis selama dua tahun selepas hukuman penjara selesai.

Dalam penghakiman bertarikh 31 Januari lalu yang diperoleh pihak media daripada laman web mahkamah hari ini, Hakim Norliza berpendapat, perayu mengambil kesempatan terhadap anak kandungnya, walhal mangsa sepatutnya dilindungi.

Menurut hakim berkenaan, gadis itu merupakan OKU yang tidak berdaya dan perbuatan bapa kandungnya meninggalkan kesan trauma yang mendalam terhadapnya seumur hidup.

"Mahkamah mengambil kira kesan trauma kerana mangsa kes seksual memerlukan masa untuk pulih daripada ketakutan dan merasakan diri tidak selamat kerana telah diperlakukan dengan tidak sepatutnya oleh ayah kandung.

"Adakah perbuatan perayu boleh dipandang ringan dan wajar diberi peluang untuk berubah? Perbuatan perayu dipandang jijik dalam masyarakat lebih-lebih lagi mangsa anak kandungnya," ujar Hakim Norliza.

Kata beliau, Hakim Mahkamah Sesyen telah menilai rayuan dan faktor kepentingan awam sebelum menjatuhkan hukuman terhadapnya. – UTUSAN